

MEMO PENDAFTAR BIL.01/2020

**KEPADA : STAF/ PELAJAR
UNIVERSITI SELANGOR**

**DARIPADA : HAJAH ROKMAA BINTI HAJI MAT
PENDAFTAR**

TARIKH : 3 JANUARI 2020

NO.RUJUKAN : (32) dlm.UNISEL/PP/01.10_ Jld.1

**PERKARA : PELUPUSAN KENDERAAN TERBIAR DALAM KAWASAN KAMPUS
UNIVERSITI SELANGOR BESTARI JAYA**

Assalamua'laikum Wrt. Wbt & Salam Sejahtera

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pengurusan Universiti mendapati banyak kenderaan seperti kereta dan motosikal terbiar yang diletakkan dalam kawasan Univesiti Selangor di Kampus Bestari Jaya. Universiti bukan tempat atau depoh pengumpulan kenderaan terbiar.

3. Dimaklumkan bahawa Pengurusan Universiti akan mengambil tindakan melupuskan kenderaan-kenderaan terbiar yang diletakkan dalam kawasan kampus Unisel. Sehubungan itu, tuan/puan yang mempunyai kenderaan terbiar yang diletakkan di mana-mana dalam kawasan kampus dan di belakang bangunan Fakulti Kejuruteraan dan Sains Kesihatan (FKSH), adalah **DIARAHKAN** untuk mengalihkan dan memindahkan kenderaan berkenaan daripada kawasan Universiti dengan serta merta. Tuan/puan diberikan tempoh sebulan bermula **3 Januari** sehingga **3 Februari 2020** untuk mengalih, memindah dan mengeluarkan kenderaan berkenaan dari kawasan universiti.

4. Kegagalan tuan/puan mengalih dan memindah kenderaan dalam tempoh yang berkenaan, Pengurusan Universiti akan mengambil tindakan melupuskan semua kenderaan terbiar yang ada dalam kawasan kampus Unisel di Bestari Jaya dan Shah Alam. Pemilik kenderaan tidak boleh membuat sebarang tuntutan ganti rugi kepada pihak Universiti dalam apa juga keadaan.

5. Berikut adalah kenderaan yang terbiar dalam kawasan Unisel Kampus Bestari Jaya untuk perhatian dan tindakan selanjutnya pihak tuan/puan.

Sekian, harap maklum. Wassalam.

Yang benar


HAJAH ROKMAA BINTI HAJI MAT
Pendaftar

File:D/Memo Pendaftar 2020/RK

KENDERAAN YANG TERBIAR DALAM KAMPUS UNISEL BESTARI JAYA









